



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAHAGIAN PESURUHJAYA SUMPAAH
ARAS 1 (SELATAN), BANGUNAN ANNEXE
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Fax: 03-8880 4042

Laman Web <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (65)JK/MP116(53)/655 Klt.2

Tarikh : 06 Mei 2017

PESURUHJAYA SUMPAAH SELURUH MALAYSIA

PENGGUNAAN JURAT DI DALAM SURAT AKUAN

Merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Pesuruhjaya Sumpah, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Putrajaya telah menerima pelbagai aduan berkenaan dengan penggunaan jurat di dalam surat akuan yang ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Pejabat ini ingin menarik perhatian semua Pesuruhjaya Sumpah di seluruh Malaysia kepada Kaedah 13(2)(b), Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 yang memperuntukkan berkenaan dengan Kelakuan dan tugas-tugas Pesuruhjaya Sumpah sebagaimana berikut:-

13. Kelakuan dan tugas-tugas Pesuruhjaya Sumpah

(2) Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah sendiri melayan mana-mana orang yang menghendaki perkhidmatannya, dan hendaklah-

(b) Membaca dan menerangkan kandungan dokumen dan ekshibit yang dikepilkan bersama dokumen itu, kepada deponen atau pembuat dokumen itu, jika deponen atau

pembuat dokumen itu buta, buta huruf atau tidak memahami bahasa yang tertulis dalam dokumen itu, sebelum memperakui bahawa dia telah berbuat demikian di dalam jurat;

(3) Jurat ialah seperti dalam Borang 6 [*Lampiran A*].

3. Sukacita diingatkan kepada semua Pesuruhjaya Sumpah di seluruh Malaysia bahawa jurat yang ditulis atau yang ditaip di bahagian bawah sesuatu akuan berkanun mestilah mematuhi dan berpandukan kepada Borang 6, Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993. Justeru, adalah dipohon kepada semua Pesuruhjaya Sumpah di seluruh Malaysia agar mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap perkara-perkara berikut:-

3.1. Sesiapa sahaja boleh menerangkan kandungan sesuatu dokumen dan tidak ada sebarang peruntukan yang mewajibkan hanya jurubahasa yang boleh menerangkan dokumen tersebut. Manamana individu yang memahami sesuatu bahasa boleh menerangkan kepada deponen walaupun individu tersebut adalah Pesuruhjaya Sumpah sendiri.

3.2. Sesuatu dokumen yang perlu diterangkan mestilah dibawa dan diterangkan dengan kehadiran dan di hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah. Dokumen tersebut tidak boleh diterangkan dan diterjemahkan terlebih dahulu kepada deponen sebelum dibawa ke hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah.

3.3. Tiada peruntukan di dalam Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993, berkenaan bayaran bagi seseorang yang menerangkan kandungan sesuatu dokumen kepada deponen.

3.4. Hanya Pesuruhjaya Sumpah yang boleh menandatangani jurat tersebut sebagai bukti bahawa dokumen tersebut telah diterangkan di hadapan beliau dan bukannya individu ataupun jurubahasa yang menerangkan kandungan dokumen tersebut.

3.5 Selain menurunkan tandatangan pada ruangan jurat, Pesuruhjaya Sumpah juga diingatkan agar tidak meninggalkan ruangan tandatangan utama pada mana-mana akuan bersumpah atau dokumen-dokumen yang diikrarkan.

4. Sebagai penegasan, semua Pesuruhjaya Sumpah di seluruh Malaysia adalah diingatkan sekali lagi agar sentiasa mematuhi Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan di dalam menjalankan tugas sebagai seorang Pesuruhjaya Sumpah. Sebagaimana yang diambil maklum, tindakan tegas menurut Kaedah 18 dan Kaedah 22, Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 boleh diambil dan dikenakan ke atas seseorang Pesuruhjaya Sumpah seandainya didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah



(WAN FADHILAH NOR BINTI WAN IDRIS)

Pengarah Pejabat Ketua Hakim Negara Dan

Bahagian Penyelidikan

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

(Borang 6)

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964
KAEDAH-KAEDAH PESURUHJAYA SUMPAAH 1993
[Kaedah 13(1)]

JURAT

6 cm

Dibacakan dan diterangkan kepada
.....
dalam (bahasa)
oleh:
Nama:
Jawatan:
.....
Pesuruhjaya Sumpah

10 cm

Nota: Jurat ini boleh juga ditaip
di atas dokumen

s.k:

1. Puan Sabariah Binti Atan

Pengarah Mahkamah Negeri Johor,
Mahkamah Sesyen/Majistret Johor Bahru,
Jalan Ayer Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.

2. Puan Rozilah Binti Salleh

Pengarah Mahkamah Negeri Selangor,
Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Persiaran Pegawai, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor.

3. Tuan Ahmad Kamar Bin Jamaludin

Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur,
Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur,
Jalan Tuanku Abdul Halim,
50506 Kuala Lumpur.

4. YBhg. Dato' Unaizah Binti Mohd

Pengarah Mahkamah Negeri Pahang,
Aras 1, Kompleks Mahkamah Kuantan,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang.

5. Tuan Moahamad Haldar Bin Abdul Aziz

Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu,
Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu,
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Kuala Terengganu, Terengganu.

6. YBhg. Dato' Mohd Nasir Bin Nordin

Pengarah Mahkamah Negeri Melaka,
Kompleks Mahkamah Negeri Melaka,
Jalan Tun Abdul Razak,
75450 Ayer Keroh, Melaka.

7. Tuan Adli Bin Abd Ghalib

Pengarah Mahkamah Negeri Kelantan,
Mahkamah Sesyen dan Majistret Kota Bharu,
Jalan Hospital,
15000 Kota Bharu, Kelantan.

8. Puan Fathiyah Binti Idris

Pengarah Mahkamah Negeri Sembilan,
Kompleks Mahkamah Seremban,
Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan.

9. Tuan Azman Bin Abu Hassan

Pengarah Mahkamah Negeri Perlis,
Mahkamah Sesyen Kangar,
01000 Kangar, Perlis.

10. Puan Zaharah Binti Hussain

Pengarah Mahkamah Negeri Pulau Pinang
Mahkamah Negeri Pulau Pinang
Bangunan Seri Pinang
Jalan Tun Syed Shah Barakbah
10200 Pulau Pinang

11. Puan Rozina Binti Ayob

Pengarah Mahkamah Negeri Perak,
Mahkamah Sesyen/Majistret Ipoh,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30507 Ipoh, Perak.

12. Tuan Amernudin Bin Ahmad

Pengarah Mahkamah Negeri Kedah,
Kompleks Mahkamah Alor Setar,
Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar, Kedah.

13. Tuan Nixon Kennedy Kumbong

Pengarah Mahkamah Negeri Sarawak,
Kompleks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

14. Puan Egusra Binti Ali

Pengarah Mahkamah Negeri Sabah
Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu
Peti Surat 10837
88809 Kota Kinabalu
Sabah